



**AZUKI TOURS SDN. BHD.**

(1018764-A) – KPK/LN 7309

DG-02, Medalla @ Oasis Corporate Park,  
2, Jalan PJU 1A/2, Ara Damansara,  
47301 Petaling Jaya, Selangor

---

Jabatan Perdagangan (JP)  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Sungai Lang, 45100 Sungai Ayer Tawar,  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 21/05/2025

**PELAWAAN UNTUK MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI AZUKI TOURS SDN BHD BAGI BIDANG AKAUN  
(ACCOUNTING)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa syarikat kami, Azuki Tours Sdn. Bhd., yang beroperasi dalam sektor pelancongan dan pengurusan acara, ingin menawarkan peluang kepada pelajar Jabatan Perdagangan (JP) untuk menjalani latihan industri dalam bidang Akaun di syarikat kami.

3. Bagi sesi akan datang, kami berhasrat untuk menerima antara seorang (1) orang pelajar bagi menyertai program latihan industri ini. Latihan ini akan memberi pendedahan kepada tugas berkaitan pengurusan kewangan, penyediaan dokumen akaun, laporan perbelanjaan, serta penggunaan sistem perakaunan, selari dengan keperluan industri semasa.

4. Syarikat kami bersedia menerima pelajar tersebut bermula Jun/Julai 2025 untuk tempoh 3-6bulan, tertakluk kepada kelulusan pihak universiti.

5. Sebagai insentif, pelajar yang menjalani latihan industri di syarikat kami akan menerima elaun sebanyak RM600 sebulan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut atau penghantaran dokumen berkaitan boleh diajukan kepada kami melalui:

Emel: [info@azukitours.com](mailto:info@azukitours.com)


Telefon: 0166016116

U/P: Faida Amin

Kerjasama dan sokongan pihak tuan/puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.......... B/p

Faida Amin

Pengurus Azuki Tours Sdn. Bhd

---

Azuki Tours Sdn Bhd (1018764-A)

KPK/LN 7309

DG-02, Medalla @ Oasis Corporate Park, 2, Jalan PJU 1A/2, Ara Damansara, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Telephone: +6016 601 6116 Email: [info@azukitours.com](mailto:info@azukitours.com) Website: [www.azukitours.com](http://www.azukitours.com)